

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO DAN TEMA EKSA HOSPITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH (HSNZ)

1. SYARAT DAN TERMA PERTANDINGAN

- a) Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada semua wargakerja HSNZ
- b) Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Walau bagaimanapun, hanya satu logo dan tema akan dipilih sebagai pemenang.
- c) Semua ciptaan mestilah asli dan tidak diveduk/ ditiru/diciplak dari mana-mana logo tempatan mahupun dari luar negara.
- d) Semua logo dan tema yang diterima oleh Urus Setia Pertandingan logo dan tema EKSA HSNZ akan menjadi hakmilik HSNZ dan tidak akan dikembalikan. HSNZ berhak ke atas logo dan tema yang terpilih sama ada untuk dipinda atau diubahsuai bagi maksud untuk digunakan atau dipamerkan ataupun dicetak dalam mana-mana acara atau majlis rasmi HSNZ.
- e) Pemenang akan menerima hadiah wang tunai beserta sijil penyertaan.

2. SPESIFIKASI REKA BENTUK LOGO

- a) Reka Bentuk mestilah baru dan asli serta tidak mengandungi unsur atau elemen yang boleh dianggap sensitif dan boleh menyinggung mana-mana pihak. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga. Penyertaan akan terbatal sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli/ciplak.
- b) Reka bentuk hendaklah dihasilkan menggunakan kertas bersaiz A4 (ukuran 21 cm x 29.7cm) berwarna putih dalam komputer grafik dan dilekatkan pada kertas tebal atau mounting board dan juga disediakan dalam bentuk softcopy menggunakan format PSD (Adobe Photoshop) format AI (Adobe Illustration) atau JPEG resolusi minimum 1280 x 960 atau menggunakan software terkini yang bersesuaian.
- c) Pereka hendaklah memberi keterangan atau penjelasan (rasional) ke atas reka bentuk logo dan simbol serta warna yang digunakan.
- d) Reka cipta logo hendaklah menggunakan tiga warna dan warna adalah bebas.
- f) Reka bentuk hendaklah menarik, jelas, mudah dan kemas.

3. SPESIFIKASI TEMA

- a) Setiap tema yang dihantar hendaklah mengandungi perkataan 'EKSA';
- b) Tema yang dicipta hendaklah menekankan fungsi dan tugas HSNZ;
- c) Jumlah perkataan bagi setiap tema mestilah TIDAK MELEBIHI lima (05) patah perkataan;
- d) Setiap tema yang dikemukakan hendaklah disertai dengan penerangan yang jelas dan tepat;
- e) Penciptaan tema mestilah karya asli peserta (panel penilai / urus setia berhak untuk menolak penyertaan sekiranya didapati tidak asli);
- f) Tema tersebut hendaklah dikaryakan dalam Bahasa Melayu sahaja;
- g) Setiap penyertaan hendaklah menggunakan borang yang telah disediakan;
- h) Semua penyertaan hendaklah diisi pada borang penyertaan disediakan oleh pihak urus setia. Borang penyertaan boleh dibuat salinan.
- i) Tema yang dikaryakan TIDAK boleh menyentuh isu-isu sensitif/agama/bangsa dan menggunakan perkataan kurang sopan.

4. BORANG PENYERTAAN

- a) Setiap peserta hendaklah mengisi borang penyertaan yang disediakan.
- b) Maklumat peserta hendaklah dicatatkan dengan jelas di belakang hasil karya masing-masing iaitu

Nama Penuh;
Nombor Kad Pengenalan;
Unit / Jabatan;
Nombor Telefon: dan
Emel.

c) Penyertaan hendaklah dihantar dalam bentuk hard copy kepada En Mohd Zamri B Mamat di Unit Teknologi Maklumat HSNZ dan soft copy ke alamat email mzamri@moh.gov.my (dalam format .psd, .ai dan .jpeg).

d) Tarikh tutup penyertaan adalah pada **15 Feb 2018 (Khamis)**.

- e) Sebarang penyertaan yang diterima selepas **15 Feb 2018** tidak akan dilayan oleh pihak Urus Setia.
- f) Segala kos untuk menyertai pertandingan ini adalah atas tanggungan peserta sendiri.

5. METODOLOGI PENILAIAN

- a) Penilaian akan dilakukan terhadap semua penyertaan yang diterima daripada peserta yang menyertai pertandingan ini.
- b) Penilaian akan dijalankan melalui penelitian terhadap layout/design logo dan rasional tema yang dihantar kepada Urus Setia Pertandingan.

6. PEMENANG & HADIAH PERTANDINGAN

- a) Hanya satu reka bentuk logo sahaja akan dipilih untuk memenangi pertandingan ini. Pemenang hanya layak menerima satu hadiah tunai dan sijil penghargaan sahaja.

7. PANEL PENILAI

- a) Penilaian akan dibuat oleh satu Jawatankuasa Penilai yang dilantik.
- b) Semua penyertaan adalah tertakluk kepada keputusan MUKTAMAD oleh Panel Penilai.
- c) Panel Penilai berhak untuk membatalkan penyertaan pada mana-mana peringkat pertandingan sekiranya didapati peserta tidak mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan.
- d) Panel Penilai berhak mengubahsuai dan meminda reka bentuk logo yang disertai sekiranya perlu.
- e) Logo yang terpilih akan diguna pakai dan menjadi hak milik Jabatan Kesihatan Negeri Perak.

8. HADIAH

- a) Pemenang akan menerima wang tunai berserta sijil penyertaan.
- b) Pemenang akan dimaklumkan oleh pihak Urus Setia melalui telefon atau surat atau emel.
- c) Majlis penyampaian hadiah akan dilakukan dalam satu majlis yang akan dimaklumkan kemudian.

**BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN
MENCIPTA LOGO & TEMA EKSA HOSPITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
(HSNZ)**

A. BUTIRAN PESERTA

Nama :

No. Kad Pengenalan : Unit / Jabatan :

No. Telefon Bimbit : No. Telefon Pejabat :

Emel : Jumlah Penyertaan :

B. PENGAKUAN PESERTA

Adalah saya dengan ini memperakui bahawa idea, konsep dan penerangan berkaitan logo dan tema yang saya peroleh serta hasil karya logo dan tema yang saya sertakan dalam pertandingan ini adalah hasil usaha saya sendiri yang asli dan tidak pernah diterbitkan, disiarkan, digunakan, ditiru, dicitak dan diambil daripada mana-mana pihak atau hasil kerja orang lain. Saya juga faham bahawa penyertaan saya akan dibatalkan secara serta-merta jika saya melanggar peraturan ini dan akan bertanggungjawab jika terdapat sebarang tuntutan atau apa jua tindakan oleh mana-mana pihak berkaitan logo ini.

Saya juga bersetuju bahawa jika terpilih, rekaan saya ini akan menjadi hak milik Hospital Sultanah Nur Zahirah sepenuhnya dan saya tiada hak ke atasnya selepas ini.

Tandatangan :

Tarikh :

(Borang penyertaan hendaklah dilampirkan bersama hasil karya logo dan tema)